

**PERKHIDMATAN SEWAAN TANDAS BERGERAK MILIK MAJLIS  
BANDARAYA ALOR SETAR**

**PENGENALAN**

Bahagian Perkhidmatan Bandar mempunyai lapan (8) unit tandas bergerak yang di gunakan untuk memberi perkhidmatan sewaan kepada agensi dan orang awam yang ingin menyewa. Perkhidmatan sewaan tandas bergerak ini dilihat dapat dipromosikan sebagai suatu perkhidmatan yang terhad dan jarang disediakan oleh agensi lain.

**SYARAT PERMOHONAN**

Untuk memastikan perkhidmatan ini dapat diberikan dengan baik, MBAS telah meletakkan syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- a) Permohonan perlu dibuat dengan melengkapkan borang permohonan.
- b) Permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya dua (5) hari bekerja sebelum tarikh sewaan.
- c) Bayaran penuh perlu dibuat sebelum penghantaran tandas bergerak ke lokasi.

**KADAR PERKHIDMATAN SEWAAN TANDAS BERGERAK**

Kadar perkhidmatan sewaan tandas bergerak adalah seperti berikut :

**Jadual 1: Kadar Perkhidmatan Sewaan Tandas Bergerak.**

BIL	JENIS	KADAR BERMULA 1 OKTOBER 2024	
		Hari bekerja	Hari cuti umum dan pelepasan am
1.	Tandas 1 Unit	RM250.00	RM300.00
2.	Wang Proses	RM 50.00	RM 50.00
3.	Kos penyelenggaraan	RM 50.00	RM 50.00
4.	Kos pengurusan sisa tandas (1 hari)	RM 50.00	RM 50.00
5.	Caj Penghantaran luar kawasan pentadbiran MBAS	RM 50.00	RM 100.00

## **SYARAT-SYARAT SEWAAN TANDAS**

Perkhidmatan Bandar ingin mencadangkan syarat-syarat permohonan seperti di bawah sebagai langkah kawalan ke atas perkhidmatan yang diberikan:

- a) Penyewa perlu sediakan tempat yang sesuai dan berdekatan dengan punca bekalan air untuk meletakkan tandas bergerak.
- b) Penyewa perlu memastikan keadaan tandas berada dalam keadaan yang baik sepanjang tempoh sewaan.
- c) Penyewa bertanggungjawab untuk menjaga semua peralatan yang disewa.
- d) Penyewa hendaklah bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan tandas.